



The Observer

Deloitte sedang menganjurkan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik yang julung-julung kali diadakan untuk mendapatkan pandangan tentang sikap dan keupayaan rantau ini terhadap tukang adu ('whistleblowing'). Pengurusan Kanan, 'C-Suite' (eksekutif berpangkat tinggi ('Chief') dalam organisasi) atau individu dalam Lembaga Pengarah yang mempunyai tanggungjawab atau pengawasan berkaitan tukang adu adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Keputusan tinjauan ini akan diterbitkan pada 23 Jun 2023 dalam Laporan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik 2023.



Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR untuk mengakses soal selidik tersebut.

31.03.2023

❖ Pelabur, jangan buat dua kesilapan ini!

Sesetengah pakar pasaran menasihatkan supaya kita memegang saham untuk jangka panjang, walaupun istilah 'jangka panjang' itu mempunyai tafsiran yang subjektif. Ada yang mencadangkan sekurang-kurangnya tiga tahun dan ada juga yang menasihatkan, biar apa pun terjadi, jangan sekali-kali jual. Dalam dunia hari ini yang dinamik, penuh risiko dan tidak menentu, tiga tahun terasa begitu lama.

Usah jadi pelabur yang pasif. Luangkan masa anda untuk mengawasi harga saham, mengikuti berita berkaitan syarikat yang anda pilih untuk membuat pelaburan serta komentar penganalisis tentang saham-saham yang anda miliki, terutama jika anda kerugian ratusan ringgit apabila harga saham jatuh.

Tindakan yang perlu dilakukan ialah pertimbangkan untuk menjual jika harga saham merudum atau jika anda terbaca tentang perubahan yang kurang menyenangkan dalam syarikat berkenaan. Nasihat yang lebih baik ialah melabur untuk jangka panjang tetapi sentiasa memantau dan berwaspada terhadap sebarang perubahan yang mungkin memberi kesan terhadap syarikat tempat anda membuat pelaburan.

Nasihat yang lebih baik ialah mengambil pendekatan yang pasif apabila anda melabur dalam dana. Namun, pendekatan pasif boleh menjejaskan kedudukan kewangan anda apabila anda melabur dalam saham individu.

Pantau

Pelaburan dalam sebuah syarikat sahaja? Anda perlu memantau prestasi syarikat itu jika anda mahu melabur dalam saham syarikat berkenaan.

Pemantauan bukanlah sekadar memantau pergerakan harga saham, malah bukan semata-mata membuat keputusan sama ada membeli atau menjual. Pemantauan memerlukan anda meluangkan masa yang berkualiti untuk memantau portfolio anda dan memahami masalah yang dihadapi oleh perniagaan, prestasi dan trend industri secara keseluruhan. Dapatkan maklumat tentang perkara ini setiap minggu supaya ia boleh membantu anda membuat keputusan yang lebih jelas sama ada menjual saham atau terus memegangnya. Namun keputusan sedemikian bukanlah kejituan saintifik yang menjamin anda akan menerima pulangan yang lumayan, tetapi ia pasti dapat mengurangkan risiko kerugian yang besar.

Paul Samuelson berkata "Sesungguhnya pelaburan itu ibarat melihat cat kering atau menunggu rumput tumbuh. Jika anda mahukan keseronokan, bawa \$800 dan pergilah (berjudi) di Las Vegas." Menunggu cat kering memakan masa satu atau dua hari yang mungkin terlalu kerap untuk memantau pelaburan anda. Rumput pula lambat tumbuh dan selang masa itu terlalu lama untuk meninggalkan pelaburan anda tanpa pemantauan. Jawapannya, carilah masa yang sesuai antara keduanya. Pemantauan secara mingguan sudah memadai walaupun saham cip biru yang mantap boleh dibiarkan tanpa pemantauan lebih dari seminggu.

Janganlah membeli saham dan meninggalkannya tanpa pemantauan. Sebaliknya, pantaulah saham mengikut sela masa yang sesuai.

Pelbagaikan

Kedua, semuanya tentang kepelbagaian. Jangan sekali-kali melaburkan sebahagian besar wang anda ke dalam saham dalam sektor yang sama. Portfolio yang pelbagai dapat menebarkan risiko anda kepada sektor-sektor lain yang tidak berkaitan. Jika satu sektor terjejas, sektor lain mungkin dapat menampungnya. Dengan cara itu, wang anda akan lebih tersebar dan lebih terlindung berbanding risiko melabur dalam saham individu dalam sektor yang sama.

Kepelbagaian membawa maksud yang sama dengan pepatah lama - jangan sekali-kali meletakkan semua telur anda dalam sebuah bakul. Mereka yang meletakkan sebahagian besar pelaburan mereka dalam sektor sarung tangan mungkin mengalami kerugian melainkan mereka dapat keluar tepat pada masanya.

Julat sebuah portfolio

Sebenarnya, kita tidak mampu memantau dengan rapi kesemua saham yang dipegang. Pemantauan yang berkesan terhadap satu-satu portfolio saham berkadar langsung dengan masa yang mampu anda luangkan untuk memantaunya secara berkualiti.

Mengikut kebiasaan, sebuah portfolio mungkin mengandungi lima hingga sepuluh saham tetapi jumlahnya sering bertambah. Ini adalah kerana apabila berhadapan bufet saham di bursa saham, timbul keinginan untuk merasai serba sedikit daripada segala-galanya. Itu sedikit dan ini sedikit, kerana semuanya nampak menguntungkan.

Namun apabila jumlah stok konstituen dalam portfolio kita sudah tidak terurus, kita perlu bertegas, berdisiplin dan ketepikan emosi. Misalnya, jika kita mempunyai 30

saham dalam portfolio dan kita berdepan kekangan masa untuk melakukan pemantauan yang berkualiti, kita perlu membuat pemilihan bagi menghadkan portfolio kita kepada jumlah yang lebih mudah diurus. Portfolio saham kita memerlukan pemantauan yang berkualiti dan bukannya pemantauan sepintas lalu.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 3 hingga 7 April 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
06.04.23 (Khamis) 10.30 pagi	KLCC Property Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan memperoleh keuntungan berjumlah RM793.3 juta (tidak termasuk pelarasan nilai saksama) bagi tahun kewangan 2022, mewakili pertumbuhan 17.9% berbanding tahun kewangan 2021, hasil daripada peningkatan prestasi dalam segmen runcit dan hotel sejak peralihan ke fasa endemik.</p> <p>Bagi tahun kewangan 2022, KLCCP telah mengagihkan dividen sebanyak 38 sen bagi setiap Sekuriti Terikat, meningkat 13.1% daripada pengagihan tahun lepas sebanyak 33.60 sen.</p>
07.04.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Harn Len Corporation Bhd (EGM)	<p>Harn Len telah mencadangkan untuk mengambil alih 100% kepentingan dalam Almal Resources Sdn Bhd (ARSB) daripada Datuk Mohamed Nizam bin Mohamed Jakel dengan harga RM54.72 juta, yang mana 60% daripada pertimbangan belian akan dibayar secara tunai manakala baki 40% akan dilunaskan melalui penerbitan 31.27 juta saham baharu pada harga 70 sen sesaham. ARSB memiliki 100% pegangan dalam Pahang Coconut Valley Corporation Sdn Bhd, yang memiliki hak pajakan 60 tahun ke atas tanah ladang seluas 4,050.96 ekar di Rompin, Pahang.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
KLCC Property Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah memulakan semakan keupayaan inventori untuk diselaraskan dengan bidang kecemerlangan ke arah menyokong Rangka Kerja Strategik. Ini merangkumi enam bidang keupayaan teras yang telah dikenal pasti dan akan dilancarkan menjelang suku pertama 2023. (Halaman 26, Laporan Audit Dalamam)</p> <p>a) Apakah enam bidang keupayaan teras yang dimaksudkan itu dan sila jelaskan setiap satu.</p> <p>b) Adakah terdapat keupayaan teras lain yang akan dilancarkan pada tahun kewangan 2023? Jika ada, apakah garis masa untuk setiap satu daripadanya?</p> <p>c) Adakah terdapat sebarang kelewatan dalam pelancaran keupayaan teras yang disasarkan untuk dilancarkan menjelang suku pertama 2023? Jika ada, apakah yang menyebabkan kelewatan itu?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya

mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.